

# Sokong lanjut umur persaraan

SAUDARA PENGARANG,

**S**AYA menyokong penuh pengumuman Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh pada Isnin lalu bahawa kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan Majlis Profesor Negara (MPN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pengurusan universiti awam (UA) bagi melanjutkan had umur persaraan golongan profesor.

Cadangan yang dibuat oleh MPN sebelum ini ialah tempoh persaraan golongan profesor di UA dilanjutkan daripada 60 tahun sekarang kepada sekurang-kurangnya 65 tahun, selaras dengan amalan antarabangsa.

Bagi saya langkah itu sedikit sebanyak dapat menyelesaikan isu profesor berstatus kontrak berumur 61 hingga 70 tahun yang menjadi tenaga pengajar di UA tidak dilanjutkan perkhidmatan berikutan pihak berkenaan menghadapi masalah kekurangan bajet.

Difahamkan sebanyak 156 daripada keseluruhan 507 profesor berstatus kontrak telah tidak dilanjutkan perkhidmatan mereka baru-baru ini.

Dengan langkah melanjutkan had umur persaraan, sebahagian daripada profesor berkenaan dapat diserapkan ke jawatan tetap bagi memastikan kepakaran mereka tidak disia-siakan.

Bayangkan bagaimana banyaknya pembaziran yang berlaku apabila kira-kira RM3 juta perlu dibelanjakan untuk menjadikan seseorang itu bertaraf profesor dan selepas itu mereka hanya sempat berkhidmat dalam tempoh yang singkat kerana telah mencapai had umur persaraan. Sedangkan profesor terbabit masih lagi sihat dan mempunyai pemikiran

tajam untuk menghasilkan pelbagai idea bernas.

Buktinya, pakar ekonomi, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid masih sihat walaupun kini telah berusia 94 tahun. Begitu juga Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim terus menjadi rujukan banyak pihak berkaitan sejarah negara walaupun telah berusia 79 tahun.

Difahamkan lebih separuh daripada profesor yang ada di Malaysia kini berumur dalam lingkungan 55 tahun dan mereka hanya mempunyai lima tahun lagi untuk berkhidmat serta menyumbang kepakaran kepada negara. Satu tempoh yang cukup singkat.

Sedangkan umur 60 tahun ke atas seperti yang disebut oleh MPN

adalah peringkat usia paling ideal bagi seseorang profesor itu menjadi produktif dalam menyumbang kepada sektor akademik negara.

Dalam pada itu, saya akui mungkin ada yang tidak bersetuju dengan cadangan melanjutkan had umur persaraan berkenaan dengan alasan akan menyukarkan kenaikan pangkat profesor yang lebih muda.

Bagi saya, kebimbangan itu boleh diredakan jika profesor yang lebih senior diberikan tanggungjawab untuk mengajar dan menjana ilmu-ilmu baharu manakala profesor lebih muda boleh diberi tanggungjawab berhubung hal ehwal pentadbiran dan mendapat jawatan tinggi.

Saya yakin rata-rata profesor yang lebih senior tidak lagi berminat untuk mengejar pangkat sebaliknya mencari kepuasan untuk berkongsi ilmu mereka dengan para pelajar.

Mereka juga boleh mendapat

pendayatan lebih dengan menulis buku-buku ilmiah yang dijadikan rujukan semua pihak.

Saya juga berharap pihak JPA dapat mengkaji bagaimana kaedah yang digunakan oleh negara-negara luar berhubung skim perjawatan profesor kerana mereka tidak wajar diletakkan di bawah satu skim perjawatan bersama-sama penjawat awam lain.

Langkah itu adalah bagi memastikan satu skim terbaik dapat diwujudkan yang dapat memberi manfaat kepada profesor muda dan senior.

Usaha proaktif perlu dilakukan kerajaan bagi memastikan bakat serta kepakaran golongan profesor tidak dibazirkan begitu sahaja.

**PROFESOR MUDA**

Petaling Jaya, Selangor



**Kebimbangan itu boleh diredakan jika profesor yang lebih senior diberikan tanggungjawab untuk mengajar dan menjana ilmu-ilmu baharu manakala profesor lebih muda boleh diberi tanggungjawab berhubung hal ehwal pentadbiran dan mendapat jawatan tinggi.**